

Tajuk : Reman Lelaki ‘Tahan’ Pelajar.

# Reman lelaki ‘tahan’ pelajar

» *Warga asing terbabit kes jenayah tak dihantar pulang*

Oleh M Hifzuddin Ihsan  
hifzuddin@bharian.com.my

► Kuching

**P**olis tidak akan menghantar pulang suspek warga asing yang ditanah kerana melakukan ugutan jenayah ke atas seorang pelajar Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), petang Se-

lasa lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah, Datuk Zulkifli Hassan, berkata siasatan mengikut Seksyen 506 Kanun Keseksaan tetap diteruskan walaupun mangsa tidak cedera.

Katanya, suspek dikenali sebagai Amsoni, berusia 30-an, direman lima hari mulai kemarin dan kini ditahan di Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Kota Samarahan sementara menunggu pendakwaan.

## Dokumen lengkap

“Berdasarkan semakan, suspek memiliki dokumen lengkap dan bukannya pendatang asing. Dia mungkin mengalami tekanan namun itu bukan

alasan dan dia akan tetap didakwa.

“Kita juga menolak bahawa kawalan keselamatan di UNIMAS longgar berikutan suspek yang baru dua hari berada di negara ini masuk bagi bertemu rakannya yang bekerja di tapak pembinaan di dalam kampus,” katanya pada sidang media di sini, semalam.

## Bersenjata pisau lipat

Dalam kejadian berkenaan, pelajar tahun tiga Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Wan Noor Hayati Wan Mahmud, 22, ditahan kira-kira 10 minit oleh suspek bersenjatakan pisau lipat yang kemudian meminta bertemu polis.

Suspek yang berasal dari Lempur Danau, berbuat demikian selepas dimaklumkan keluarganya di kampung berhadapan ugutan daripada pihak tertentu sabit hutangnya yang belum dijelaskan.

Sementara itu Zulkifli memaklumkan, polis sudah mengenal pasti seorang pemandu berusia 24 tahun yang bertindak menumbuk seorang jurugambar dalam kejadian di Kota Padawan, malam Rabu lalu.

“Dalam kejadian itu, pemandu itu dikatakan marah dengan tindakan jurugambar akhbar Cina tempatan yang mengambil gambar kenderaanya,” katanya.